

30/10/2003

Buku sumbangan PM di bidang pendidikan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan menerbitkan buku khas bagi mengenang sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam bidang pendidikan sempena persaraannya sebagai Perdana Menteri esok.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata buku itu yang berjudul

'Impian dan Realiti Mahathir' turut diedarkan kepada semua anggota Kabinet sewaktu mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

"Sumbangan Dr Mahathir kepada bidang pendidikan memang banyak sejak beliau menjadi Menteri Pelajaran lagi, termasuk pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan memperkenalkan dasar meritokrasi untuk

kemasukan ke universiti awam," katanya kepada pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat mingguan kementerian, semalam.

Buku bergambar setebal 72 halaman itu mengandungi lapan bab. Bab pertama

berjudul Ke Arah Pendidikan Bertaraf Dunia, bab kedua Bidang Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bab ketiga Dasar dan Polisi Merealisasikan Segalanya, bab empat Dalam Kebajikan Murid dan Guru, bab lima Nilai-nilai

Murni dan Patriotisme Asas Perpaduan, bab enam Pendidikan Berkualiti, bab

tujuh Kesihatan Rohani dan Kecergasan Jasmani dan bab lapan Kompilasi Keratan Akhbar.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat pula semalam melancarkan buku berjudul 'Mahathir: Pembangun Tamadun Insaniah' yang diterbitkan syarikat Juz' Art dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Pelancaran itu diadakan di Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa

di sini, sempena program Wacana Pemikiran & Perjuangan Mahathir anjuran Bahagian Pendidikan Guru dengan kerjasama MBKM dan Juz' Art.

Wacana itu dipengerusikan Ketua Eksekutif dan Setiausaha Agung Majlis Peperiksaan Malaysia, Datuk Termuzi Abdul Aziz manakala ahli panelnya pula

terdiri daripada Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Ramlah Adam; Pengerusi Akademi Belia Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah

dan Pengarah Pendidikan Guru, Razali Ismail.